

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 7 JUN 2010, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 25

MENGANGKAT SUMPAAH

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1232-L37144
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pencapaian NKRA sejauh ini sejak ianya diperkenalkan YAB Perdana Menteri dan apakah tahap pencapaian kakitangan Kerajaan dalam mendukung NKRA ini.
2. PR-1232-L37239
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kos loji nuklear yang bakal diwujudkan pada 2021. Di manakah lokasi loji dan impaknya kepada kawasan sekitar. Apakah langkah keselamatan dan kaedah pembersihan sisa-sisa nuklear yang bakal dipraktikkan.
3. PR-1232-L38311
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-
 - (a) adakah pihak Jabatan Imigresen Malaysia mempunyai kaedah tertentu bagi menghalang warganegara asing daripada memasuki Malaysia semula setelah dihantar pulang ke negara asal mereka apabila didapati berkelakuan salah; dan
 - (b) berapa jumlah warganegara asing yang telah dihantar pulang ke negara asal mereka dan berapakah jumlah yang berjaya ditangkap semula setakat ini sejak 2005.

4. PR-1232-L38208
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kesahan keputusan Kerajaan Persekutuan untuk menyerahkan padang minyak Blok L dan M kepada Brunei dan mengapa isu kedaulatan wilayah perairan negara tersebut tidak dirujuk kepada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.
5. PR-1232-L38446
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan keberkesanan Kempen Kurangkan Pengambilan Gula.
6. PR-1232-L38158
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) apakah benar bahawa PETRONAS telah menghentikan jualan gas kepada Republik Islam Iran pada awal tahun ini; dan
 - (b) kalau benar apakah tujuan dagangan tersebut ditamatkan dan berapakah nilai dagangan yang tidak diperolehi oleh PETRONAS akibat dari penamatan tersebut.
7. PR-1232-L38361
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
 - (a) jumlah penjenayah negara asing yang ditahan di negara ini; dan
 - (b) bagaimana kedudukan negara kita dalam soal jenayah berbanding dengan pelbagai negara ASEAN dan bagaimana Malaysia menjalinkan kerjasama dalam soal menangani isu jenayah dengan negara lain.
8. PR-1232-L38029
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha yang telah dijalankan oleh Malaysia sebagai negara jiran dan anggota ASEAN dalam meredakan pergolakan 'Baju Merah' di Thailand.
9. PR-1232-L37126
Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memberikan pelepasan cukai kepada anak-anak yang menyara ibu/bapa sesuai dengan hasrat melahirkan masyarakat prihatin dan bertanggungjawab.

10. PR-1232-L38375
Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian terhadap keadaan dimana klinik kesihatan di peringkat Kerajaan tempatan terletak di bawah bidang kuasa Kementerian dan bukan Kerajaan tempatan dan adakah Kementerian akan mengembalikan bidang kuasa klinik tersebut kepada kerajaan tempatan.
11. PR-1232-L37534
Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi menyelesaikan 17 juta saman tertunggak dari tahun 2000 hingga 2008 bagi menjaga imej organisasi dan meningkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan.
12. PR-1232-L37766
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapa kali bekalan elektrik dalam Daerah Manjung terputus bagi tahun 2007,2008,2009 dan 2010 dan sebab-sebab bekalan elektrik tersebut terputus.
13. PR-1232-L37013
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah pihak Kementerian berhasrat menyelaraskan sukatan pelajaran dan kurikulum di peringkat pra-sekolah agar dapat mewujudkan standard pembelajaran dan pengajaran yang bersepadu dan berkualiti bagi setiap pra-sekolah dalam negara.
14. PR-1232-L37860
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana penyertaan masyarakat Islam di Malaysia terhadap sukuk-sukuk yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari tahun 2005 hingga 2010.
15. PR-1232-L38743
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah pertikaian antara Malaysia dengan Brunei mengenai hak milik ke atas Limbang di Sarawak yang telah berlanjutan selama berpuluh-puluh tahun telah dapat diselesaikan.
16. PR-1232-L38731
Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan asing masuk ke negara Malaysia pada tahun 2008 dan 2009 dan nyatakan sektor yang mendapat pelaburan terbesar.

17. PR-1232-L37252
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah kejayaan program FELDA sebagai gedung makanan negara; dan
 - (b) berapakah peruntukan yang telah diluluskan di Felda Jempol, Negeri Sembilan.
18. PR-1232-L38077
Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah peruntukan oleh Kerajaan pusat untuk High Tech Park di seluruh negara semenjak tahun 2000.
19. PR-1232-L37186
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan berjaya memudah dan meringkaskan segala proses permohonan kelulusan pelaburan di negara kita sama ada pelabur asing atau domestik dan adakah sistem pemantauan yang sedia ada cekap dan berkesan untuk menjamin ketelusan dan mencegah rasuah.
20. PR-1232-L38694
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pemberian atau kelulusan projek segera sewaktu berkempen pilihan raya adalah tidak menyalahi Undang-undang Malaysia (Akta 5) Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 (Bahagian III) Perbuatan-Perbuatan Rasuah.
21. PR-1232-L37856
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan modul latihan dan tempoh yang ditetapkan kepada pelatih polis sebelum mereka lulus berkhidmat.
22. PR-1232-L37579
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) jumlah kes penjualan dan pembuangan bayi; dan
 - (b) langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

23. PR-1232-L38453
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah asas keputusan kabinet menarik balik lesen judi pada tahun 2004 dan kenapa keputusan kabinet berubah pada tahun ini; dan
 - (b) kenapa Kerajaan memberi semula lesen judi kepada Ascot Sport Sdn Bhd tanpa melalui tender terbuka.
24. PR-1232-L38877
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan Kerajaan telah mengumumkan RM1 bilion untuk menangani dan mengatasi masalah banjir di Sibu, Sarawak. Bolehkah Kerajaan memperuntukkan jumlah yang sama bagi mengatasi masalah yang sama di Teluk Intan.
25. PR-1232-L37501
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengenai kaedah menentukan kadar tarif elektrik terkini yang digunapakai oleh TNB kerana sejak Januari 2010 TNB mengenakan kadar RM0.286 bagi setiap 500 unit pertama dan diikuti RM0.378 bagi unit seterusnya. Sedangkan sebelum itu TNB mengenakan caj RM0.286 bagi semua kadar unit yang digunakan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menurunkan kadar ini.
26. PR-1232-L37373
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan gaji minimum kepada semua sektor supaya kadar kemiskinan dapat diselesaikan.
27. PR-1232-L37057
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah nilai kontrak pembinaan membesarkan lapangan terbang Kota Kinabalu dan tahap kemajuan kerja pembinaan serta jumlah pembayarannya setakat ini. Bilakah projek itu dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.
28. PR-1232-L38532
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan untuk persediaan Pasukan Badminton Skuad Piala Thomas dan Skuad Piala Uber tahun 2010.

29. PR-1232-L38557
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senaraikan pencapaian sebenar masing-masing di bawah RMK-8 dan RMK-9 dalam aspek-aspek berikut iaitu modal insan, pertumbuhan ekonomi, pendapatan per kapita, nilai tambah dalam sektor perkilangan khususnya elektrik dan elektronik.
30. PR-1232-L37359
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional Kerajaan meluluskan lesen pertaruhan sukan kepada 'Ascot Sports' dan apakah Kerajaan sedar ianya mendapat bantahan yang kuat daripada berbagai lapisan masyarakat kerana ianya lesen judi yang disifatkan haram di sisi Islam dan sudah terlalu banyak lesen judi diluluskan sebelum ini.
31. PR-1232-L38967
Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kenapakah tiada universiti di dalam negara berada di dalam kedudukan 200 universiti terkemuka dunia pada kajian tahun lepas. Apakah kriteria di dalam analisa yang diambil kira di dalam kajian tersebut dan kenapa terjadi demikian.
32. PR-1232-L37399
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian menyedari selain laman pornografi, terdapat laman web dan blog yang memaparkan kaedah lengkap pemprosesan syabu (dadah) termasuk proses teknikal secara virtual yang boleh dimuat turun bila-bila masa dan memberi kelebihan kepada penagih memproses sendiri dadah dengan kos yang minimum; dan
 - (b) apakah tindakan Kementerian dalam memantau laman web dan blog ini.
33. PR-1232-L38661
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :
- (a) apakah Kerajaan menyedari bahayanya kes membabitkan hukum-hakam dan perundangan Islam diputuskan oleh Mahkamah Sivil berdasarkan undang-undang sivil; dan
 - (b) apakah Kerajaan bercadang meminda Akta Mahkamah Keadilan (Court of Judicature Act) untuk memasukkan peruntukan memastikan Mahkamah Sivil hendaklah merujuk kepada Mahkamah Syariah berkaitan sesuatu isu melibatkan agama Islam dan keputusan tersebut hendaklah mengikut Mahkamah Sivil dan dipatuhi.

34. PR-1232-L38457
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk mendedahkan arahan yang terkandung dalam Inspector General's Standing Orders (IGSO) berhubung dengan penggunaan senjata api oleh pihak polis dalam waktu bekerja. Sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebabnya.
35. PR-1232-L38986
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Parlimen dimaklumkan pada Oktober 2009 yang lalu, terdapat 7 perkara dalam Laporan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis DiRaja Malaysia yang tidak dilaksanakan oleh PDRM :-
- (a) adakah kerana kegagalan melaksanakan saranan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM telah mengakibatkan tindak tanduk segelintir Pegawai dan Anggota PDRM makin dilihat tidak mencapai tahap profesional yang diharapkan oleh Malaysia; dan
 - (b) apakah kekangan yang menyebabkan cadangan dan saranan-saranan tersebut tidak dapat dilaksanakan.
36. PR-1232-L38564
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada bekalan lampu jalan ke kampung-kampung di luar bandar diteruskan, jika ya, bilakah program ini dijangka dapat dilaksanakan sepenuhnya.
37. PR-1232-L37499
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kadar terkini bagi kes kecurian kereta dalam negara ini sejak tiga tahun yang lalu dan apakah strategi Kementerian yang terkini bagi menghadapi masalah kecurian kereta yang semakin kronik di negara kita.
38. PR-1232-L37750
Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kerajaan bertujuan mengkaji alternatif lain selain dari tenaga nuklear untuk menjana elektrik sebelum mengambil keputusan muktamad.
39. PR-1232-L38282
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan senarai jalan-jalan kampung di Parlimen Padang Terap yang termasuk dalam program Transformasi Kerajaan (GTP) di bawah aktiviti pembangunan prasarana luar bandar bagi tahun 2010 dan nyatakan berapa anggaran peruntukan yang disediakan untuk Padang Terap.

40. PR-1232-L37937
Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah ada perancangan yang spesifik dalam bentuk dasar-dasar yang praktikal bagi memastikan sektor pertanian (yang dilihat sebagai sektor yang paling tidak produktif berbanding dengan sektor-sektor lain) supaya tidak tercicir dan terus berdaya saing apabila terlaksana sepenuhnya Model Ekonomi Baru.
41. PR-1232-L37883
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah ada perpindahan dasar luar negara terhadap Republik Islam Iran.
42. PR-1232-L38803
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-
- (a) usaha konkrit Kementerian dalam memastikan bekalan elektrik mencukupi tanpa terlalu besar kekerapan gangguan terutamanya di negeri Sabah; dan
 - (b) langkah-langkah proaktif Kerajaan dalam mencari pendekatan baru bagi tujuan bekalan tenaga yang mencukupi serta lebih efisien, mesra alam dan murah.
43. PR-1232-L38104
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab 15,000 Al-Kitab yang dirampas oleh Kerajaan pada tahun 2009 akan dimusnahkan dan tidak disebaliknya dipulangkan kepada penganut Kristian Sidang Injil Borneo (SIB) demi hak kebebasan beragama seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan.
44. PR-1232-L38206
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan produk-produk IKS yang dikeluarkan oleh penduduk negeri Kelantan yang dapat dipasarkan di peringkat antarabangsa.
45. PR-1232-L38754
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah air di Kota Belud sepertimana yang dijanjikan oleh Perdana Menteri di dalam ucapan Bajet 2010 beliau.

46. PR-1232-L38672
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai panel khas dalam memantau penggunaan Bahasa Kebangsaan terutama pada papan-papan iklan dan papan perniagaan di premis perniagaan.
47. PR-1232-L37763
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara berasingan berapa kes kecurian kabel telefon dan kabel elektrik di kawasan Manjung, Perak bagi tahun 2007,2008,2009 dan 2010 yang menyebabkan perkhidmatan-perkhidmatan telefon dan bekalan elektrik kepada pelanggan-pelanggan terputus.
48. PR-1232-L38955
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kawalan-kawalan yang diletakkan oleh Kementerian bagi memastikan pelanggan-pelanggan ASTRO, yang merupakan sebuah monopoli, tidak dibebankan dengan yuran langganan bulanan yang melampau, memberi rebet kepada pelanggannya semasa tiada resepsi waktu hujan dan juga sama ada ASTRO memerlukan kelulusan Kementerian ketika ia menaikkan yuran langganan bulanan.
49. PR-1232-L38180
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan janji-janji untuk membina klinik-klinik Desa di Medamit, kampung Telahak dan Long Napir di daerah Limbang yang telah diluluskan, menyediakan kereta khas untuk membawa pulang pesakit yang meninggal dunia di Miri, membina klinik Pakar Asas dan menyediakan ahli pakar yang tetap di hospital Limbang.
50. PR-1232-L37240
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah kemajuan bola sepak negara dalam tempoh 5 tahun ini; dan
 - (b) apakah langkah holistik yang telah dan akan terus diambil oleh pihak Kementerian bagi memperbaiki kedudukan ranking dunia pasukan bola sepak negara yang kini di tahap 158.
51. PR-1232-L38093
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab mengapa judi bola sepak dunia ingin dibenarkan oleh Kerajaan.

52. PR-1232-L38396
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan setakat tahap manakah industri automobil kita mencapai standard AFTA. Apakah dasar Kerajaan terhadap pelabur automobil Negara asing yang ingin menubuhkan kilang pembuatan kenderaan di Malaysia.
53. PR-1232-L37260
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah dalam memastikan polisi baru insuran kemalangan dapat membela kepentingan rakyat dan Kerajaan memandangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah lebih berpihak kepada syarikat insuran yang inginkan Kerajaan menanggung liabiliti.
54. PR-1232-L38535
Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada Kerajaan ada mengambil kira pandangan ramai yang tidak bersetuju dengan "coal-fired plant" di Sabah dan kalau ya apakah pula langkah-langkah yang pasti akan diambil untuk mencegah pencemaran daripada berlaku dan menjejaskan persekitaran alam semulajadi di masa hadapan.
55. PR-1232-L37817
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan justifikasi Kerajaan dalam meluluskan lesen perjudian sukan kepada Syarikat Ascot Sports, mengapa syarikat ini dipilih dan sama ada Kerajaan telah membuat kajian "Social Impact Assessment" kepada masyarakat selepas perjudian sukan ini dibenarkan.
56. PR-1232-L37588
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mengapa Kementerian membenarkan hanya sebuah syarikat memonopoli penjualan benih padi di Kuala Selangor dan menutup pusat proses benih padi di Sungai Burong yang menjejaskan produktiviti padi serta pendapatan penanam padi yang rata-rata masih hidup bawah garis kemiskinan.
57. PR-1232-L38433
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan keberkesanan program Rakan Muda di sekolah dalam menghasilkan para pelajar berkemahiran selain akademik atau "soft skills".

58. PR-1232-L37777
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) apakah peranan sebenar syarikat minuman arak Carlsberg Malaysia dalam PERKESO; dan
 - (b) buktikan hasil daripada syarikat minuman arak ini dapat menghalalkan dan membersihkan pekerja-pekerja Islam di PERKESO yang hampir 90 peratus.
59. PR-1232- L38995
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi Konsep 1Malaysia, KPI dan NKRA. Apakah langkah-langkah untuk memperbaiki keberkesanannya.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN UNTUK BACAAN
KALI YANG PERTAMA

1. Menteri di Jabatan Perdana Menteri

- * Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2010.

2. Menteri di Jabatan Perdana Menteri

- * Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Pindaan) 2010.

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat pada mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. Perdana Menteri akan mencadangkan :-

BAHAWA, Tentera Rejim Zionis di bawah arahan Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu, telah menyerang tanpa alasan dalam perairan antarabangsa konvoi kapal *Freedom Flotilla* yang membawa bantuan kemanusiaan ke Gaza pada 31 Mei 2010, yang telah mengakibatkan banyak kematian dan kecederaan kepada ahli kumpulan konvoi bantuan kemanusiaan tersebut;

BAHAWA, serangan Rejim Zionis ke atas kapal misi bantuan kemanusiaan tersebut merupakan tindakan yang mencabuli undang-undang antarabangsa termasuk undang-undang hak asasi manusia, undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu;

BAHAWA, sentimen yang sama telahpun disuarakan melalui Kenyataan Bersama Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN – Majlis Kerjasama Negara-negara Teluk (GCC) di Singapura pada 1 Jun 2010 yang menyuarakan kutukan keras terhadap tindakan Rejim Zionis Israel ini;

BAHAWA, rakyat Malaysia berpegang teguh kepada pendirian bahawa tiada alasan bagi penggunaan kekerasan yang melampau ke atas kapal misi bantuan kepada rakyat Palestin di Gaza tersebut; dan

BAHAWA, rakyat Malaysia sangat kecewa dengan ketidakmampuan masyarakat antarabangsa, terutamanya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk membuat bantahan keras terhadap tindakan ganas Rejim Zionis itu.

DENGAN INI DEWAN mengambil ketetapan seperti berikut:

- (1) Mengutuk sekeras-kerasnya serangan tentera Rejim Zionis di bawah arahan Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu, ke atas kapal misi bantuan kemanusiaan ke Gaza yang telah mengakibatkan kehilangan banyak nyawa dan kecederaan kepada orang awam;
- (2) Merakamkan rasa kecewa tidak terhingga tindakan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di atas kenyataan yang begitu lemah terhadap serangan ganas Rejim Zionis ke atas kapal misi bantuan tersebut;
- (3) Memutuskan untuk mendesak Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mencela Israel dan bukannya membuat kenyataan lemah semata-mata;

- (4) Memutuskan bagi Malaysia untuk bekerjasama dengan negara-negara Anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Liga Arab dan negara-negara sependapat untuk mendukung prinsip undang-undang antarabangsa termasuk undang-undang hak asasi manusia, undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam menangani krisis kemanusiaan di Gaza;
- (5) Menggesa negara-negara sependapat untuk mengemukakan usul kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi merujuk situasi akibat serangan Tentera Rejim Zionis Israel ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC);
- (6) Menggesa negara-negara sependapat untuk mengemukakan usul kepada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi mendapatkan *Advisory Opinion* Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ);
- (7) Memohon supaya negara Turki mempertimbangkan untuk mengambil tindakan di bawah peruntukan Statut Rome, Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC);
- (8) Menyeru supaya satu siasatan bebas yang penuh (fully independent) dibuat terhadap serangan Tentera Rejim Zionis dan bukannya setakat siasatan yang tidak berpihak (impartial) semata-mata;
- (9) Menyokong sepenuhnya desakan masyarakat antarabangsa, terutamanya Majlis Hak Asasi Manusia melalui Resolusi yang telah diterima pada 2 Jun 2010, supaya siasatan yang berakauntabiliti dan bebas sepenuhnya dibuat mengenai serangan ini;
- (10) Menuntut Israel supaya tidak menghalang sebarang konvoi bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin, khususnya di Gaza, selaras dengan Resolusi 1860 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu;
- (11) Mengalu-alukan tindakan negara Mesir membuka sempadan Rafah tanpa syarat bagi memastikan bantuan kemanusiaan dapat disalurkan tanpa sebarang halangan;
- (12) Merayu kepada masyarakat antarabangsa supaya terus menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Wilayah Palestin di Gaza tanpa menghirau dan gentar kepada ancaman Rejim Zionis;

- (13) Merakamkan penghargaan kepada negara-negara Jordan, Turki, Ireland, Filipina dan juga negara-negara lain yang terlibat dalam usaha-usaha membebaskan rakyat Malaysia yang telah ditahan oleh Rejim Zionis;
- (14) Menyeru rakyat Palestin supaya bersatu dengan tujuan mempertahankan hak mutlak mereka bagi menubuhkan negara Palestin yang bebas, merdeka dan berdaulat; dan
- (15) Menzahirkan sokongan padu rakyat Malaysia kepada perjuangan rakyat Palestin ke arah pembentukan negara Palestin yang bebas, merdeka dan berdaulat.
-
- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 13/2010) | Rang Undang-undang Jualan Langsung (Pindaan) 2010 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | (Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan) | |
| 3. | (D.R. 14/2010) | Rang Undang-undang Setem (Pindaan) 2010. | “ |
| | | (Menteri Kewangan) | |
| 4. | (D.R. 18/2010) | Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2010. | “ |
| | | (Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan) | |
| 5. | (D.R. 19/2010) | Rang Undang-undang Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2010 | “ |
| | | (Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan) | |
| 6. | (D.R. 16/2010) | Rang Undang-undang Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 | “ |
| | | (Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar) | |
| 7. | (D.R. 37/2009) | Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 | “ |
| | | (Menteri Kewangan) | |

8. **Perdana Menteri akan mencadangkan :-**

“ Bahawa Dewan ini,

menyedari akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dalam menghadapi persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha Kerajaan untuk terus melaksanakan Misi Nasional dengan disokong oleh Model Baru Ekonomi sebagai rangka dasar pembangunan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan dilaksanakan berasaskan hala tuju strategik, program dan peruntukan yang diperlukan untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan membawa negara ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020 seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah CMD.3 Tahun 2010;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesepuluh, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu dengan semangat “1Malaysia : Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan” dan mempunyai iltizam yang teguh bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk menjayakan pelan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju, berdaya tahan dan berdaya saing, demi untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia.”

9. PR-1232-U37040

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini jumlah perokok baru dikalangan remaja telah meningkat secara drastik sekali dan mengambil maklum bahawa murid-murid sekolah dalam pakaian seragam sekolah juga didapati merokok secara terbuka di tempat awam termasuklah di kawasan berdekatan sekolah, seperti perhentian bas depan kawasan sekolah dan mengambil maklum bahawa, kempen Tak Nak gambar-gambar iklan di kotak rokok tidak mencapai matlamatnya dan satu mekanisma baru haruslah dibuat bagi membendung fenomena inidan mengambil maklum bahawa sekiranya perkara ini tidak dibendung, murid-murid yang lain akan terpengaruh dan mula merokok;maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menubuhkan satu jawatankuasa penguatkuasa bagi memantau dan menguatkuasakan larangan merokok di tempat awam, supaya mereka terutama sekali yang berumur dibawah 18 tahun dan berpakaian seragam sekolah boleh didakwa atau dikompaun."

(Menteri Kesihatan)

10. PR-1232-U37041

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa kos barangan keperluan di negeri Sabah adalah yang tertinggi di negara ini dan mengambil maklum bahawa, kos pengangkutan di negeri Sabah adalah salah satu yang tertinggi di negara ini. Antara punca mengapa perkara ini berlaku adalah kerana cukai jalan yang dikenakan adalah terlalu tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain di negara ini. Misalnya, di negeri Sarawak, bagi kenderaan pengangkut kontena berukuran 20 kaki panjang (TEU) hanya dikenakan cukai jalan sebanyak RM283, sementara di negeri Sabah, kenderaan pengangkut yang sama dikenakan cukai jalan sebanyak RM2,200. Keadaan ini tentu sekali membuatkan para pengusaha kenderaan pengangkut menaikkan tambang mereka sekali gus membebankan pengguna di negeri Sabah. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyeragamkan cukai jalan bagi kenderaan yang dimaksudkan agar kos barangan keperluan di negeri Sabah dapat diturunkan lagi."

(Menteri Pengangkutan)

11. PR-1232-U37042

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa beberapa projek kemudahan awam seperti jalan raya, sekolah dan klinik lewat disiapkan kerana masalah pengambilan tanah dan mengambil maklum bahawa kelewatan pengambilan tanah atau tapak projek ini berlaku kerana pihak Kerajaan tidak menyediakan dana yang cukup bagi maksud pembayaran pampasan kepada pemilik tanah dan mengambil maklum bahawa perkara ini berlaku kerana apabila sesuatu projek itu dirancang, kos pengambilan tanah dan pampasan tanah tidak dimasukkan dalam cadangan kos projek dan mengambil maklum bahawa oleh kerana tanah semakin berkurangan, maka pelan cadangan sesuatu projek itu hendaklah dirangka dengan penggunaan maksimum kawasan tanah yang ada. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, melalui ICU/EPU menyediakan dana yang cukup bagi satu-satu projek disamping menyediakan pelan penggunaan tanah yang optimum."

(Perdana Menteri)

12. PR-1232-U37063

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Kerajaan mengambil kira dengan seriusnya agar Sistem Perundangan/Kehakiman Mahkamah Tinggi di kedua-dua wilayah bagi Semenanjung serta Sabah dan Sarawak berkedudukan sama taraf dari segi pentadbiran, perkhidmatan, perjawatan dan penguatkuasaan. Dalam Sistem Pengasingan Kuasa (separation of power) kedua-dua Mahkamah Tinggi seharusnya juga mengekalkan kuasanya supaya semua Mahkamah Rendah di kedua-dua wilayah berkenaan masing-masing berfungsi di bawah kuasa pentadbiran autonomi Mahkamah Tinggi tanpa penglibatan kuasa mahkamah atasan Persekutuan."

(Perdana Menteri)

13. PR-1232-U37064

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Kerajaan menetapkan dengan seriusnya kedudukan taraf suku kaum anak yang dicatatkan dalam sijil kelahiran penduduk di Sabah haruslah jelas demi untuk memartabatkan bangsa serta budaya setiap kaum agar dapat dibuktikan tanpa ragu-ragu atau ketidaksahihan. Catatan Sino-Natif dalam sijil kelahiran anak hasil perkahwinan campuran ibu bapa bukan natif dengan natif Sabah yang sebenarnya mempunyai suku kaum seperti Sino-Kadazan/Dusun, Sino-Bajau, Sino-Melayu, Kadazan-Eurosian atau lain-lain haruslah dicatat secara terperinci untuk pengenalan diri sebenar diri sebenar anak rakyat Malaysia di Sabah yang dilahirkan dari suku kaum Bumiputera Sabah."

(Menteri Dalam Negeri)

14. PR-1232-U37065

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dengan seriusnya tentang kedudukan pentadbiran politik autonomi bagi rakyat negeri Sabah demi untuk mempertahankan kedudukan keaslian, budaya dan keseimbangan taraf hidup seharian rakyat Sabah agar betul-betul dapat merasakan suasana memperjuangkan kemerdekaan dalam Malaysia dan memartabatkan prinsip-prinsip Rukun Negara supaya rakyat sama-sama membangun serta generasi akan datang dapat meneruskan ciri-ciri hidup mengikut lunas undang-undang serta perlembagaan serta demi untuk meneruskan adat resam, kebudayaan yang berbilang kaum dan etnik bangsa Malaysia."

(Perdana Menteri)

15. PR-1232-U37315

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kerajaan untuk menjalankan satu penyiasatan yang menyeluruh dalam hal pengambilan pekerja-pekerja asing di negara ini."

(Menteri Dalam Negeri)

16. PR-1232-U37317

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kerajaan untuk terlibat dengan lebih serius dalam konflik-konflik yang berlaku di rantau Asia."

(Menteri Luar Negeri)

17. PR-1232-U38813

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak Kerajaan supaya membatalkan lesen pertaruhan yang telah dikeluarkan untuk sukan bola sepak Piala Dunia 2010 yang akan berlangsung bulan Jun 2010 di Afrika Selatan kerana pemberian lesen tersebut bukan sahaja bercanggah dengan hukum syara', malahan memberikan isyarat bahawa sukan dan perjudian adalah sinonim dan sukan boleh dijadikan dan dihalalkan sebagai bahan perjudian. Dewan juga menginsafi mengaitkan sukan dengan pertaruhan dan perjudian, apatah lagi sukan berprestij seperti bola sepak Piala Dunia 2010 ini akan memberi satu gambaran yang salah kepada para belia dan remaja bahawa sukan dan judi itu boleh bergandingan. Dewan juga menginsafi bahawa hasrat Kerajaan menggunakan hasil yang dijangka diperolehi daripada pertaruhan dan perjudian bola sepak Piala Dunia ini sebagai sumber kewangan untuk pembangunan sukan negara akan menjadikan pembangunan dan kemajuan sukan negara sebagai tidak mempunyai barakah dan akan kehilangan kecemerlangannya. Selanjutnya Dewan menginsafi tindakan Kerajaan menghalalkan pertaruhan dan perjudian bagi sukan bola sepak Piala dunia 2010 ini akan menggalakkan lagi amalan rasuah didalam permainan bolasepak khususnya dan sukan lain amnya.

Dewan menyedari dan mendesak bahawa cara terbaik menangani pertaruhan haram dan tidak berlesen pertandingan bola sepak Piala Dunia 2010 ialah dengan mengisytiharkan perang terhadap kegiatan pertaruhan dan perjudian tersebut dan bukan menghalalkannya dengan pemberian lesen. Selanjutnya Dewan menginsafi bahawa pemberian lesen pertaruhan dan perjudian bolasepak Piala Dunia 2010 ini akan menyebabkan kegiatan pinjaman haram dan Ah Long akan bercambah. Dewan juga menyedari bahawa pemberian lesen pertaruhan dan perjudian bagi sukan bola sepak Piala Dunia akan membuka "floodgates" (dengan izin) untuk sukan-sukan lain dijadikan bahan perjudian dan pertaruhan".

(Menteri Kewangan)

18. PR-1232-U38815

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak YB Menteri Dalam Negeri supaya mengarahkan pihak Polis DiRaja Malaysia supaya mengemukakan permohonan maaf secara terbuka dan tanpa syarat kepada ahli keluarga dan waris Allahyarham adik Aminulrasyid Amzah yang telah mati ditembak oleh pihak polis pada 26.04.2010 dan kemudiannya dilabel sebagai penjenayah dan kononnya membawa parang didalam but kereta yang dipandu Allahyarham sedangkan faktanya sekarang jelas bahawa Allahyarham adik Aminulrasyid Amzah bukan seorang penjenayah dan tiada bukti beliau membawa parang didalam but kereta pada hari tersebut.

Selanjutnya Dewan ini membuat ketetapan supaya Menteri Dalam Negeri membuat bayaran pampasan dan saguhati kepada keluarga dan waris Allahyarham adik Aminulrasyid Amzah".

(Menteri Dalam Negeri)

19. PR-1232-U38818

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia supaya memberikan Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah 1432 (Peringkat Antarabangsa) kepada saudara Yusuf Islam @ Cat Steven bagi mengenang jasa saudara Yusuf Islam yang telah memberi sumbangan besar kepada usaha menyebarkan risalah Islam dan kerja-kerja da'wah ke seluruh dunia".

(Perdana Menteri)

20. PR-1232-U38820

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia supaya memberikan anugerah darjah kebesaran yang membawa gelaran Tun secara "post-humous" (dengan izin) kepada Allahyarham Sasterawan Negara Usman Awang bagi mengenang jasa beliau yang besar kepada usaha memartabatkan dan memajukan Bahasa Melayu melalui karya-karya besarnya dan lain-lain usaha yang telah Allahyarham lakukan".

(Perdana Menteri)

21. PR-1232-U38822

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan kepada YAB Perdana Menteri, YAB Menteri-Menteri Besar dan Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri supaya melakukan semakan semula senarai penerima anugerah kebesaran persekutuan atau negeri dengan tujuan untuk dilakukan pembersihan termasuk menarik balik dan/ atau membatalkan anugerah dan gelaran yang diberi kepada mereka yang telah dan/ atau pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan jenayah dan yang didaftarkan di Pusat Pendaftaran Penjenayah (Criminal Registration Center)".

(Perdana Menteri)

22. PR-1232-U38824

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan supaya satu kajian dibuat dengan tujuan menggubal undang-undang yang bersesuaian untuk memansuhkan keperluan mengadakan pilihan raya kecil bagi kerusi yang kosong atau dikosongkan oleh mana-mana wakil rakyat sama ada diperingkat Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri termasuk kemungkinan memberikan kerusi yang kosong atau dikosongkan itu kepada parti yang telah memenanginya semasa pilihan raya umum untuk menentukan calon yang mengganti dan/ atau mengisi kekosongan tersebut. Ini sekaligus dapat mengelakkan keperluan mengadakan pilihan raya kecil yang melibatkan kos yang tinggi dan menyebabkan masyarakat Malaysia terlibat dengan kegiatan politik tanpa kesudahan".

(Perdana Menteri)

23. PR-1232-U38825

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mencadangkan supaya undang-undang yang berkaitan dipinda untuk memberi pilihan dan opsyen kepada mana-mana individu beragama Islam yang dikenakan sebarang pertuduhan jenayah untuk memilih forum perbicaraan di Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa berdasarkan peruntukkan undang-undang yang ada dimana-mana Akta atau Enakmen Syariah seperti pertuduhan liwat dan lain-lain. Ini adalah kerana seorang Muslim berhak untuk dibicarakan menurut undang-undang Islam demi menjaga aqidah dan syariat seseorang Muslim itu".

(Perdana Menteri)

24. PR-1232-U38827

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak supaya Mahkamah sekular yang diwujudkan menurut Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan menghormati dan tidak mencampuri hak dan bidangkuasa Mahkamah Syariah yang diperuntukkan menurut Artikel 121 (1A) Perlembagaan termasuk hak dan bidangkuasa mutlak menentukan siapa yang boleh diterima masuk dan didaftarkan sebagai seorang Peguam Syarie. Ini adalah kerana kalau Mahkamah sekular tersebut boleh mencampuri urusan hak dan bidangkuasa Mahkamah Syariah dalam penentuan kemasukan dan pendaftaran peguam syarie ke Mahkamah Syariah, apakah itu bermakna Mahkamah Syariah boleh mencampuri urusan hak dan bidangkuasa Mahkamah sekular untuk penentuan kemasukan dan pendaftaran seseorang peguam sekular di Mahkamah sekular".

(Perdana Menteri)

25. PR-1232-U38828

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya meminda Akta Mahkamah Keadilan 1964 (Courts of Judicature Act 1964) (Akta 91) dengan memasukkan peruntukan baru di Seksyen 4 seperti berikut:"Seksyen 4A: Didalam keadaan dimana terdapat isu dan/ atau pertikaian membabitkan dan atau melibatkan agama Islam dari segi aqidah, kepercayaan, hukum-hakam, syariat dan/atau apa juga persoalan mengenai Islam, maka Mahkamah wajiblah merujuk isu, persoalan dan/ atau pertikaian itu kepada Mahkamah Syariah untuk suatu keputusan atau penghakiman;

dan semua prosiding hendaklah ditangguhkan sehingga keputusan atau penghakiman Mahkamah Syariah itu dibuat, dan keputusan atau penghakiman Mahkamah Syariah bagi isu, persoalan dan/ atau pertikaian itu hendaklah mengikat Mahkamah tersebut". Bahawa Dewan menginsafi masalah membabitkan isu, pertikaian atau persoalan mengenai Islam jika diputuskan di Mahkamah sekular berdasarkan undang-undang sivil boleh mencetuskan salah faham dan kekeliruan. Ini berlaku kerana isu dan persoalan membabitkan kefahaman terhadap undang-undang dan syariat Islam dalam konteks syariah dan Islam tidak difahami, dihayati dan diinsafi oleh Mahkamah Sekular yang membicara dan memutuskan sesuatu isu tersebut menurut peruntukkan undang-undang sivil yang terbatas dan terhad kepada pembicaraan soal perundangan sekular semata-mata, malahan menolak untuk menerima pakai kefahaman syarie dan Islam. Sebenarnya inilah yang telah berlaku didalam kes Maria Hertogh @ Natrah pada tahun 1950 apabila Mahkamah sivil Singapura yang mengguna pakai undang-undang sivil British menolak untuk menerima pakai undang-undang Islam dan syariatnya dengan menolak aqidah dan keislaman Natrah dan perkahwinan Natrah dengan Almarhum Mansor Adabi yang mana menurut undang-undang Islam dan hukum syara' keislaman dan perkahwinan Natrah adalah sah kerana beliau sudah aqil baligh mengikut hukum syarak dan merupakan seorang mukallaf dan hukum taklif berlaku kepada beliau. Begitu juga didalam beberapa kes dimana Islam melihat sesuatu isu itu dari segi aqidah, tetapi Mahkamah sekular melihatnya dari sudut istilah dan perundangan sivil. Sekiranya peruntukan seperti yang dicadangkan di atas wujud, maka Dewan menginsafi bahawa isu ini akan dapat diselesaikan dengan baik menurut peruntukan undang-undang yang terpakai bagi isu tersebut."

(Perdana Menteri)

26. PR-1232-U38830

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah segera untuk mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa Malaysia bukan negara sekular seperti India sebaliknya sebuah negara yang mengamalkan dwi-sistem (sistem perundangan hybrid) iaitu dengan meminda Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): 'Islam adalah agama bagi Persekutuan termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya'. Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa keputusan Mahkamah didalam kes Che Omar Che Soh v. Pendakwaraya dan Jamaluddin Osman v. Menteri Dalam Negeri telah banyak diputarbelit dan disalah tafsir oleh golongan tertentu untuk memberi gambaran kononnya Malaysia adalah negara sekular sedangkan hakikatnya Malaysia bukanlah negara sekular sebaliknya negara yang meletakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan,

maka dengan pindaan kepada Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan seperti yang dicadangkan akan memperjelaskan perihal kedudukan status negara ini tanpa sebarang keraguan lagi”.

(Perdana Menteri)

27. PR-1232-U38832

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): **‘Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, kecuali undang-undang dan syariat Islam, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini dan undang-undang Islam atau hukum syara’ hendaklah terbatal setakat ianya berlawanan itu’.** Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa banyak keadaan dimana hukum syara’ dan syariat Islam telah terbatal dan atau tidak dapat dilaksanakan kerana Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan ini yang meletakkan undang-undang negara mengatasi semua undang-undang dan peraturan lain termasuk undang-undang serta syariat Islam seperti pengharaman pemakaian serban disekolah-sekolah kebangsaan, pemakaian purdah dan jilbab di jabatan-jabatan kerajaan, pelaksanaan undang-undang syarak seperti khalwat, zina, qazaf yang bercanggah dengan hukum syara’ dan lain-lain”.

(Perdana Menteri)

28. PR-1232-U38834

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan): **‘Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya, termasuk menukar agamanya kecuali bagi penganut agama Islam yang hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan syariat Islam. Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidangkuasa mutlak keatasnya’.** Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa walaupun Mahkamah Persekutuan didalam beberapa kes termasuk Azlina Jailani @ Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Pendaftaran Negara memutuskan bahawa dalam hal ehwal dan permasalahan kemasukan atau kemurtadan daripada Islam hanya Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa dan Mahkamah sekular tidak boleh mempunyai apa-apa bidangkuasa menurut Artikel 121 (1A),

namun masih lagi ada pihak yang mempertikaikan dan membawa kes seumpama ini ke Mahkamah sekular dimana dalam kes melibatkan seorang Punjabi Muslim mayatnya terlantar di Hospital Sg. Buloh, Selangor selama sebulan kerana Mahkamah Sivil masih mahu mendengar kes-kes seumpama ini, sedangkan merupakan fardhu kifayah ke atas umat Islam untuk menyegerakan pengurusan dan pengkebumian jenazah mana-mana orang Islam yang telah meninggal dunia. Dengan adanya peruntukan seumpama diatas maka isu seperti ini tidak akan berbangkit lagi”.

(Perdana Menteri)

29. PR-1232-U38836

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut:-'...tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan...' dan diganti dengan perkataan berikut;'dan mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan didalam dan menurut hukum syara' dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan/ atau perintah yang dikeluarkannya'.

Dan proviso kepada Seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan diatas dan hendaklah berbunyi seperti berikut: Mahkamah Syariah tersebut hendaklah mempunyai bidangkuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan didalam dan menurut hukum syara' dan undang-undang Islam (termasuk hudud, qisas dan ta'zir) termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang Islam serta melaksana dan menguatkuasakan apa jua hukuman dan/atau perintah yang dikeluarkannya. Bahawa Dewan ini mengambil maklum umat Islam wajib melaksanakan syariat Islam termasuk undang-undang jenayahnya seperti hudud, qisas dan ta'zir tanpa sebarang pengubahsuaian dan pindaan seperti yang berlaku sekarang dan Dewan mengambil maklum bahawa kegagalan melaksanakan sistem perundangan Islam sepenuhnya ini akan boleh membatalkan aqidah umat Islam”.

(Perdana Menteri)

30. PR-1232-U38837

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Dalam Negeri menguatkuasakan keputusan daripada muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan ke 19 pada 06hb - 08hb. Oktober 1987 dan mengambil langkah serta-merta dan mengambil contoh tindakan Kementerian Pertahanan memansuhkan dan menghapuskan semua amalan syirik dan kufur oleh pihak Polis DiRaja Malaysia termasuk upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara atau mana-mana tugu peringatan yang bersamaan sempena Hari Pahlawan, Hari Angkatan Tentera, Hari Polis dan lain-lain hari peringatan atau apa jua upacara rasmi dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain orang yang beragama Islam tidak dipaksa dan/ atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/ atau bertafakkur di hadapan Tugu Negara yang telah difatwakan sebagai syirik".

(Perdana Menteri)

31. PR-1232-U38838

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan otoriti mengatasi kesemua Mufti-Mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dengan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang DiPertuan Agong dan Majlis Raja-Raja. Selanjutnya Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya memberi kuasa dan bidang kuasa jelas kepada Majlis Fatwa Kebangsaan untuk menguatkuasa dan melaksanakan fatwa-fatwa yang dikeluarkannya dan mana-mana orang yang mempersoalkan dan/ atau mempertikaikan Fatwa-fatwa tersebut hendaklah dianggap melakukan penghinaan terhadap agama Islam dan diambil tindakan tegas menurut Seksyen 298A Kanun Keseksaan atau dibawah mana-mana undang-undang (Persekutuan atau Negeri)".

(Perdana Menteri)

32. PR-1232-U38841

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai 'Jawatankuasa Caucus bagi Palestin' dengan melantik YB Kepala Batas sebagai Pengerusi Caucus tersebut dan selanjutnya Dewan ini mendesak Kerajaan Mesir supaya membuka semula pintu Rafah dan memberi kebebasan keluar/ masuk kepada rakyat Palestin dan tidak menghalang sebarang usaha-usaha bantuan kemanusiaan oleh mana-mana pihak; dan juga mendesak rejim zionis Israel supaya segera mengembalikan hak rakyat Palestin dan mengiktiraf Negara Islam Palestin sebagai negara yang merdeka dan berdaulat dan Baitulmaqdis sebagai ibu negeri Negara Islam Palestin".

(Menteri Luar Negeri)

33. PR-1232-U38842

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet dengan segera khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah bersepadu dan berkesan berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dan penganut agama Hindu dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka, dan hal masalah peribadatan mereka termasuk penyelenggaraan dan pengurusan kuil-kuil mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai Jawatankuasa Khas Kabinet bagi Hal Ehwal Masyarakat India" dengan melantik Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khas tersebut."

(Perdana Menteri)

34. PR-1232-U38845

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta menubuhkan sebuah Majlis Buku Negara dengan peruntukkan yang mencukupi dan segera menggubal Dasar Buku Negara dan Akta Buku serta mengambil semua langkah yang menasabah dan praktikal untuk membantu, menggalakkan, membangunkan dan memajukan industri buku negara. Selanjutnya Dewan juga membuat ketetapan supaya Dasar Buku Negara seperti yang telah dimaktubkan segera dilaksanakan sepenuhnya dan mencapai matlamat yang disasarkan dalam Dasar Buku Negara tersebut".

(Menteri Pelajaran)

35. PR-1232-U38847

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima dikesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan/ atau halangan. Ini adalah kerana sebagai sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang dimaktubkan oleh Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan, maka adalah penting untuk syiar Islam dimartabatkan".

(Perdana Menteri)

36. PR-1232-U38849

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan, bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta".

(Menteri Dalam Negeri)

37. PR-1232-U38851

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Malaysia Airlines, AirAsia atau mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri ini supaya membenarkan kakitangan wanitanya terutama pramugari yang beragama Islam pilihan untuk memakai pakaian / pakaian seragam yang mematuhi hukum syara".

(Menteri Pengangkutan)

38. PR-1232-U38853

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras dan yang memabukkan semasa didalam penerbangan".

(Menteri Pengangkutan)

39. PR-1232-U38855

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya membenarkan penjualan arak, minuman keras dan yang memabukkan dalam apa bentuk sekalipun hanya dipremis-premis khas yang dilesenkan dan hanya khusus untuk masyarakat bukan Islam sahaja; sebagaimana premis khas untuk penjualan nombor ekor, tempat perjudian dan daging khinzir dan lain-lain; dan tidak melesenkan kedai-kedai runcit atau serbaneka daripada menjual arak dan/ atau apa-apa minuman keras dan yang memabukkan dipremisnya. Dewan ini mengambil maklum banyak kes terjadi dimana remaja dan belia beragama Islam yang menyalahgunakan penjualan arak dan minuman beralkohol serta kemudahan kondom di kedai-kedai serbaneka ini untuk kegiatan tidak berakhlak dan bermoral, yang akhirnya membawa kepada timbulnya gejala sosial yang serius seperti kegiatan merempit yang melampau, perzinaan, perogolan dan kesalahan seksual dan kes pembuangan bayi".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

40. PR-1232-U38861

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militant Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al Maunah dan lain-lain termasuk Mas Selamat Kastari dan jika pihak kerajaan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah sivil yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi. Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa menahan mana-mana individu tanpa perbicaraan dan hak membela diri adalah bercanggah dengan hukum syara' dan undang-undang Islam; apatah lagi terdapat undang-undang lain yang mencukupi untuk menangani permasalahan perundangan yang ada bagi hal-hal yang menjejaskan keselamatan, keamanan dan ketenteraman negara".

(Menteri Dalam Negeri)

41. PR-1232-U38862

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaikpulihan Masjid Jamek Bandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak Masjid tersebut dengan marmar sabagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan solat terutamanya solat Jumaat dan kedua 'Eidulfitri & 'Eiduladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini".

(Perdana Menteri)

42. PR-1232-U38864

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Dalam Negeri supaya mengeluarkan larangan terhadap mana-mana pembantu rumah asing yang beragama Islam daripada bekerja dengan mana-mana majikan yang bukan beragama Islam.

Ini adalah kerana terdapat banyak aduan pembantu-pembantu rumah asing yang beragama Islam yang dipaksa memakai pakaian bercanggah dengan Islam seperti berseluar pendek, memakan makanan dan minuman yang haram seperti babi dan arak, serta dipaksa memandikan dan membela anjing dan tinggal dipersekitaran dan suasana yang jelas bercanggah dan/ atau tidak bersesuaian dengan seorang Muslim".

(Menteri Dalam Negeri)

43. PR-1232-U38866

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya membenarkan pencarum KWSP yang beragama Islam mengeluarkan simpanan mereka bagi tujuan mengerjakan ibadah haji bagi diri mereka dan keluarga terdekat sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup mereka walaupun belum mencapai umur persaraan 55 tahun;Selanjutnya Dewan juga mengambil ketetapan mendesak Kementerian Kewangan supaya segera mengambil langkah memansuhkan Seksyen 167 Akta Insurans dan Peraturan 6 Peraturan KWSP 2001 yang banyak menimbulkan masalah dan disalahgunakan oleh penama yang dinamakan sebagai benefisiari kerana banyak kes dimana penama apabila menerima wang caruman daripada KWSP telah tidak membahagikan wang tersebut menurut syara' dan hukum faraid;

atau sebagai alternatif mengenakan syarat kepada pengurusan KWSP supaya wang caruman simati tidak dibayar kepada penama kecuali mereka telah mengemukakan sijil faraid daripada Mahkamah Syariah dan pembayaran dibuat oleh KWSP terus kepada waris-waris yang dinamakan didalam sijil faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah yang berbidangkuasa tersebut”.

(Menteri Kewangan)

44. PR-1232-U38868

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya mewujudkan kem-kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mengambil hanya pelatih wanita sahaja sebagai pilihan bagi mereka dan ibu-bapa yang mahukan anak perempuan mereka diasingkan kerana terlalu banyak aduan pelatih-pelatih wanita yang melalui pengalaman diganggu oleh sama ada pelatih atau petugas lelaki sehingga ada yang ke peringkat mencabul, mendera dan merogol; ramai ibu-bapa yang mengadu anak perempuan mereka yang apabila kembali daripada PLKN berubah menjadi terlalu terbuka dalam pergaulan dan perhubungan dengan lelaki walaupun sebelum ke PLKN anak-anak mereka sangatlah bersopan dan menjaga akhlak dan batasan pergaulan dengan lelaki;Selanjutnya Dewan mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pertahanan supaya menerapkan dalam syllabus latihan kepada pelatih-latih beragama Islam modul nilai Islam seperti mewajibkan solat jemaah pada tiap waktu solat fardu, qiamullail dan tahajjud, dan melatih mereka supaya mengimarahkan masjid dengan selalu mengadakan program qiamullail dimana-mana masjid berhampiran kem PLKN, yang mana ini akan bukan sahaja menjalinkan ukhwah dan persaudaraan dengan masyarakat sekeliling, ianya juga akan memperkukuh dan memperkuat aspek spiritual dan kerohanian pelatih-pelatih PLKN”.

(Menteri Pertahanan)

45. PR-1232-U38870

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Menteri Pengangkutan supaya diadakan koc-koc dan gerabak-gerabak khas di perkhidmatan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR dan Putra) bagi “Wanita Sahaja”; ini adalah untuk memberi pilihan kepada penumpang wanita membuat pilihan untuk menaiki koc dan gerabak khas untuk wanita sahaja termasuk bagi koc berkatil kerana banyak aduan diterima dimana penumpang wanita di perkhidmatan LRT mengadu mereka diraba, dicabul dan diganggu dengan gangguan seksual semasa menggunakan perkhidmatan ini terutama diwaktu puncak.

Oleh itu untuk keselesaan dan keselamatan penumpang wanita, Dewan mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan supaya segera mengkaji dengan tujuan melaksanakan sekim koc dan gerabak "Khas Untuk Wanita Sahaja" bagi perkhidmatan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR dan Putra)".

(Menteri Pengangkutan)

46. PR-1232-U38872

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri, dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Islam) supaya mengkaji kepada keperluan mewujudkan sebuah pusat tahanan, penjara dan/ atau tempat perlaksanaan hukuman bagi mereka yang disabit dan dijatuhkan hukuman oleh mana-mana Mahkamah Syariah yang berbidang kuasa memandangkan tiadanya pusat tahanan, penjara dan/ atau tempat perlaksanaan hukuman bagi pesalah-pesalah syarie seperti yang kita persaksikan dalam kes Kartika Sari Dewi Sukarno baru-baru ini.

Dewan mengambil perhatian bahawa perlaksanaan hukuman bagi pesalah syarie adalah sangat berbeza dari tujuan, matlamat dan bentuk hukuman bagi pesalah syarie berbanding dengan pesalah di Mahkamah Sivil".

(Menteri Dalam Negeri)

47. PR-1232-U38904

Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian Dalam Negeri dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan mohon maaf kepada keluarga Amirulrasyid Amzah kerana anggota polis menyebabkan kematian Amirulrasyid. Pada masa yang sama, mendesak Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan dan Ketua Polis Selangor Datuk Khalid Abu Bakar didakwa bawah Seksyen 11 Akta Kanun Keseksaan kerana mengeluarkan kenyataan mengelirukan orang ramai serta disiasat di bawah sebuah badan bebas."

(Menteri Dalam Negeri)

48. PR-1232-U38908

Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengembalikan kebebasan akhbar dengan segera kerana Malaysia berada di kedudukan tangga ke 142 yang dilaporkan oleh Freedom House. Kedudukan Malaysia ketinggalan berbanding dengan negara-negara jiran seperti Filipina, Indonesia dan Thailand. Campur tangan ahli politik dan pegawai atasan yang tidak profesional menjadi punca kemerosotan kebebasan media. Ini boleh dibuktikan melalui campur tangan isteri Perdana Menteri, Rosmah Mansor dan Jabatan Perdana Menteri yang mengadu kepada ntv7 dalam rancangan Editor'sTime (Mandarin). Di samping itu rancangan dokumentasi yang diterbitkan oleh Chou Z Lam dibatalkan kerana isu empangan Bakun yang akan menjejaskan Pilihanraya Kecil Sibu yang sedang berlangsung. Pihak RTM turut menamatkan perkhidmatan Chou Z Lam kerana beliau mendedahkan pembatalan penyiaran dokumentasi tersebut."

(Menteri Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan)

49. PR-1232-U37916

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen untuk dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebagai syarat untuk meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah kesan daripada pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene yang telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

(Menteri Pertahanan)

50. PR-1232-U38950

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kementerian berkenaan supaya membahaskan dalam usaha menentukan kawasan perairan dari Pulau Besar hingga Semerak sebagai lokasi penangkapan ikan khas bagi nelayan pesisir pantai yang berlesen kelas A di Parit Jawa, Sungai Balang dan Bagan demi menyelesaikan masalah pencerobohan pukat tunda yang telah menjejaskan mata pencarian mereka."

(Perdana Menteri)

51. PR-1232-U38718

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum balas bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati, dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

52. PR-1232-U38994

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat] akan mencadangkan:-

"Bahawasanya Petroliaam Nasional Bhd. (Petronas) mengesahkan kontrak perkongsian pengeluaran yang melibatkan Blok L dan Blok M yang dianugerahkan kepada Petronas Carigali Sdn. Bhd. dan Murphy Sabah Oil Co. Ltd telah ditamatkan secara rasmi pada 7 April 2010. Mengikut Surat Pertukaran yang bertarikh 18 Mac 2009, kedua-dua blok itu bukan lagi sebahagian dari Malaysia. Malah, Blok L dan Blok M itu telah ditandakan semula sebagai CA1 dan CA2. Bahawasanya Ahli Parlimen Kepala Batas, Tun Abdullah Ahmad Badawi telah menyerahkan dua kawasan yang kaya minyak kepada Brunei. Dalam kenyataannya Yang Berhormat Tun Abdullah berkata sumber di Blok L dan M di Laut China Selatan kini dikongsi bersama oleh Malaysia dan Brunei di bawah perjanjian wilayah dan komersial yang ditandatangani pada 16 Mac 2009. Bahawasanya menurut kenyataan media Kementerian Luar Negeri, 'penyerahan' dua blok kawasan petroleum oleh Malaysia kepada Brunei menerusi "Pertukaran Surat" adalah selaras dengan undang-undang antarabangsa. 'Penamatan kontrak perkongsian pengeluaran membabitkan blok L dan M yang diberikan oleh Petronas kepada Petronas Carigali Sdn. Bhd. dan Murphy Oil pada 2003 adalah selaras dengan pewujudan CAA seperti yang ditetapkan dalam Pertukaran Surat'. Bahawasanya, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak (Pekan) menyatakan bahawa rundingan antara Malaysia dan Brunei berkaitan dengan persempadanan laut dan darat akan mencapai satu bentuk penyelesaian yang saling menguntungkan kedua-dua negara. Bahawasanya Ahli Parlimen Kepala Batas dan Pekan serta Kabinet harus bertanggungjawab terhadap kehilangan kedaulatan negara dan kehilangan pendapatan negara sebanyak RM320 bilion.

Bahawasanya tindakan Ahli Parlimen Kepala Batas, Yang Berhormat Pekan jelas bercanggah dengan Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang berbunyi:- "Perkara 2, penerimaan masuk wilayah-wilayah baru dalam Persekutuan. Parlimen boleh melalui undang-undang:- (a) menerima masuk Negeri-negeri lain ke dalam Persekutuan (b) mengubah sempadan mana-mana Negeri Tetapi undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu Negeri tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan Negeri itu (yang dinyatakan melalui Rang Undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu) dan Majlis Raja-raja" Maka inilah dipersetujui bahawa Yang Berhormat Kepala Batas dan Yang Amat Berhormat Pekan telah mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan serta membuat dakwaan yang sangat serius dan menyalahi hak keistimewaan sebagai ahli parlimen serta sebagai satu penghinaan kepada dewan dan Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Maka Inilah Dipersetujui Bahawa Yang Berhormat Kepala Batas dan Yang Amat Berhormat Pekan hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Jawatankuasa ini hendaklah membuat syor jenis hukuman yang setimpal yang patut Dewan kenakan ke atas Ahli Yang Berhormat Kepala Batas dan Ahli Yang Berhormat Pekan.

(Menteri Luar Negeri)

53. PR-1232-U39005

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan permasalahan rasuah di negara ini dan peranan semua pihak terhadap isu ini. Dewan juga membincangkan prestasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan jawatankuasa-jawatankuasa SPRM."

(Perdana Menteri)

54. PR-1232-U39006

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan keadaan pengangkutan awam di seluruh negara termasuk di Kuala Lumpur dan sekitarnya. Dewan ini juga hendak mengetahui bagaimana Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat akan memainkan peranannya dengan berkesan untuk mempertingkatkan pengangkutan awam."

(Perdana Menteri)

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

TAHUN 2010	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
CMD.3	Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015 [Tenth Malaysia Plan 2011-2015]	7 Jun 2010

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

TARIKH UCAPAN DIBUAT	AHLI-AHLI YANG BERUCAP	TAJUK UCAPAN	MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB
1. 7.6.2010 (Isnin)	1. YB. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Permatang Pauh)	1. Penyerahan Medan Minyak Blok L dan M kepada Brunei dan Pencabulan Terhadap Kedaulatan Negara	1. YB Menteri Luar Negeri
2. 7.6.2010 (Isnin)	2. YB Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)	2. Pencemaran yang Serius di Kampung Bukit Beruang Kuala Sungai Baru, Melaka	2. YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani